

# Pemimpin terbabit politik wang tidak akan terlepas

UM 8 APR 2001

TANAH MERAH 7 April – Pemimpin-pemimpin UMNO yang terkenal dan **me-megang** jawatan tinggi tidak akan terlepas daripada hukuman sekiranya terbabit **da-lam rasuah politik wang**.

Presiden **parti**, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan **hakikat** itu **harus diterima** jika mereka **terbukti** bersalah.

Beliau berkata, tindakan akan **dikena-kan** jika siasatan **Badan Pencegah Rasuah (BPR)** berjaya membuktikan mereka **me-mang** terlibat **dalam salah laku tersebut**.

**“Saya sendiri akan ambil tindakan dan buat keputusan ke atas kes-kes tertentu untuk dilaporkan kepada BPR supaya mereka boleh selidik gejala politik wang dalam parti.**

“Jangan **marah** jika **orang** yang terkenal **orang** yang mempunyai jawatan tinggi dalam **parti** didapati bersalah **kerana** terlibat **dengan politik wang dikenakan hukuman,**” katanya di **sini hari ini**.

Dr. Mahathir berkata **demikian** ketika **menjawab** soalan Ketua UMNO Cawangan Prala, Gual Ipoh, **Zamzuri Ariffin** yang berpendapat gejala politik **wang** masih **berleluasa** dalam **pemilihan UMNO baha-gian**, dalam **satu** majlis dialog di **sini petang ini**.

**Terdahulu** beliau berucap **pada** majlis **perjumpaan** bersama ahli UMNO **Bahagi-an Tanah Merah** dan **Jeli** di Sekolah Menengah Teknik **Tanah Merah**.

Sehubungan itu, Dr. Mahathir **menyeru** ahli-ahli UMNO yang mempunyai **bukti** berhubung **salah** laku politik wang di kalangan pemimpin **parti** agar **memaklumkan perkara tersebut** kepadanya berserta **bukti kukuh..**

**“Saya tahu ada pemimpin yang bawa 50 orang penyokongnya pergi buat Umrah tapi adakah mereka yang terlibat sama sanggup beritahu pada saya atau tidak bahawa mereka turut terbabit menerima rasuah tersebut,”** katanya.

Tegasnya **lagi**, tindakan **tetap dikenakan** ke **atas** sesiapa sahaja yang melakukan rasuah walaupun hanya membabitkan sejumlah **kecil wang**.

Sementara itu katanya, siasatan **tetap** diteruskan **berhubung** dakwaan rasuah yang dikatakan berlaku melibatkan **berjuta-juta ringgit semasa** pemilihan Timbalan Presiden dahulu.

**“Kita** tahu Sabah adalah kubu kuat Encik (Tun) Ghaffar (Baba), **tetapi** bila ada pencalonan hampir tiada **satupun bahagi-an** yang mencalonkannya.

**“Kita** tahu **ada** pemimpin tertinggi **UMNO** bawa **berjuta-juta** ringgit dengan beg dan **beri** kepada ketua-ketua bahagian, **pada** orang itu, orang **ini** dan ramai **juga** yang kata memang **benar** inilah orangnya **tapi** mereka tak sanggup **beri keterangan**.

**“Tapi** siasatan **kita** belum **tamat** sebab **kita** nak tahu siapa **sebenarnya orang** yang **guna** politik wang **untuk** bertanding,” katanya.